

## **Teachers' Perception on Social Skills of Students with Visual Impairments and its Relation with Academic Achievements**

(Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Sosial Murid Berkeperluan Pendidikan Khas  
Ketidakupayaan Penglihatan dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik)

**Mohd Hafiz Baharom<sup>a</sup>, Rosadah Abd Majid<sup>b</sup>**

<sup>a</sup>Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 62604 Putrajaya, Malaysia.

<sup>b</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mel: mhafiz1810@gmail.com

**Abstract:** Social skills is one of the problems experienced by students with visual impairment due to the absence of visual perception. The aim of this study is to explore the level of social skills among students with visual impairment of teacher perception. This study also reviewed the level of academic achievement based on the result of Primary School Achievement Test (UPSR) and it's correlation with the social skills. This survey was conducted on 32 year six students with visual impairment from special education integration program and Special Education School for The Blind from seven states. The instrument was a set of questionnaires that were administered to the sample teachers. Data were analysed using descriptive statistics which involved mean and standard deviation as well as inferential analysis Spearman's correlation coefficient. The findings showed that teacher's perception towards social skills of students with visual impairment was high. However, this survey also found that their level of academic achievement was low. Spearman's correlation coefficient inference analysis revealed, there are positive but very weak and insignificant correlation between social skills and academic achievement. In conclusion, this study show efforts must be made in order to improve the academic achievement of these groups.

**Keywords:** social skills; academic achievement; visually impairment; special education; teacher perception.

**Abstrak:** Kemahiran sosial adalah salah satu permasalahan yang dialami oleh Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBK) ketidakupayaan penglihatan akibat ketiadaan persepsi visual. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau tahap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan dari persepsi guru. Selain itu, kajian ini juga meninjau tahap pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan melalui keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan melihat hubungannya dengan kemahiran sosial murid. Sampel kajian terdiri daripada 32 orang MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam program pendidikan khas integrasi dan Sekolah Pendidikan Khas Cacat Penglihatan dari tujuh buah negeri. Instrumen kajian ialah satu set borang soal selidik yang ditadbir ke atas guru yang mengajar sampel. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai serta analisis inferensi Korelasi Spearman. Dapatkan kajian menunjukkan persepsi guru terhadap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam adalah tinggi. Selain itu, didapati pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan adalah rendah. Analisis inferensi pekali Korelasi Spearman mendapat hubungan positif yang sangat lemah dan tidak signifikan antara kemahiran sosial dan pencapaian akademik. Dapatkan kajian ini menjadi indikator kepada komuniti pendidikan khas ketidakupayaan penglihatan bahawa pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memperbaiki pencapaian akademik golongan ini.

**Kata kunci:** Kemahiran sosial; pencapaian akademik; ketidakupayaan penglihatan; pendidikan khas; persepsi guru.

Pendidikan khas adalah satu bentuk pendidikan untuk golongan berkeperluan khas yang disediakan untuk memenuhi keperluan pendidikan mereka (Hallahan & Kauffman, 2000). Malaysia (2013) Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) mengkategorikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBK) kepada beberapa kategori iaitu ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan dan masalah

di atas. Pendidikan untuk MBK ketidakupayaan penglihatan di Malaysia bermula sejak tahun 1926. Statistik terkini yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan pada tahun 2015 terdapat seramai 971 orang MBK ketidakupayaan penglihatan dalam sistem pendidikan negara. MBK ketidakupayaan penglihatan ini ditempatkan di sekolah harian sama ada dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Program Inklusif dan juga di Sekolah Pendidikan Khas. Golongan ini mengikuti kurikulum kebangsaan

dengan aktiviti yang diubahsuai untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Jamila, 2007).

Salah satu aspek yang menjadi kajian penyelidik dalam mahupun luar negara adalah aspek kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan. Hal ini kerana masalah pada sensori penglihatan mereka menjadi penghalang kepada proses pembelajaran yang seterusnya mempengaruhi kemahiran mereka untuk bersosial (Salleh & Zainal, 2014). Menurut Loveland et al. (2001), kemahiran sosial adalah pernyataan tingkah laku tentang kognitif sosial yang memainkan peranan dalam menentukan kualiti kehidupan setiap individu. Selain itu, kemahiran sosial juga dapat mengupayakan seseorang kanak-kanak untuk membina perhubungan yang positif (Kaili & Bullock, 2004) dalam persekitaran yang pelbagai sama ada di rumah, mahu pun di sekolah. Sensori penglihatan memainkan peranan yang besar dalam perkembangan awal tingkah laku dan kognitif sosial iaitu satu kemahiran untuk melihat tingkah laku sosial dan memahami fikiran serta perasaan orang lain (Zebehazy & Smith, 2011).

Kemahiran sosial bagi kanak-kanak tipikal berkembang secara beransur-ansur tanpa melalui proses yang formal kerana kanak-kanak ini mampu untuk memerhati perlakuan orang lain, meniru perlakuan tersebut, dan menilai maklum balas yang diterima (Norani & Arun, 2009). Namun begitu perkara ini tidak berlaku kepada kanak-kanak dengan ketidakupayaan penglihatan. Sejak dari peringkat kanak-kanak lagi masalah pada sensori penglihatan mengganggu ikatan sosial antara mereka dengan penjaga kerana mereka tidak mampu melihat penjaga tersebut. Intervensi boleh dilakukan oleh penjaga dengan menggalakkan hubungan secara sentuhan dan auditori secara berterusan seperti memeluk, memegang, dan bercakap dengannya (Bishop, 2004).

Keterbatasan sensori penglihatan juga merencatkan pergerakan sukarela kanak-kanak ini (Werts et al., 2007). Pergerakan ini penting kerana ia dapat memberikan maklumat keadaan persekitaran yang mempengaruhi kognitif individu. Perkara ini boleh dielakkan dengan menggalakkan pergerakan badan kanak-kanak ini untuk merangsang deria mereka. Menurut Bishop (2004) pergerakan ini membolehkan kanak-kanak ini meneroka ruang dan membina kefahaman apa yang terdapat disekeliling mereka. Beliau juga menegaskan, pembangunan konsep dan pembinaan kefahaman tentang persekitaran dipengaruhi oleh interaksi kanak-kanak ini dengan persekitarannya. Pendedahan kepada benda-benda dan tindakan dalam persekitarannya membantu dalam aspek pemerolehan bahasa yang bermakna. Boleh dikatakan bahawa lebih banyak pengalaman kanak-kanak ini dengan persekitaran menjadikannya lebih bersedia untuk menempuh kehidupan di masa hadapan.

Sebahagian kanak-kanak dengan ketidakupayaan penglihatan kurang bergaul dengan rakan sebaya sebelum memasuki persekolahan seterusnya menyebabkan kanak-kanak ini bersikap egosentrik apabila berinteraksi dengan orang lain (Harley, Truan, & Sanford, 1997). Kekangan sensori penglihatan menghalang kanak-kanak ini daripada menilai reaksi orang lain terhadap perlakuan mereka serta hanya bergantung kepada pendengaran dan sentuhan fizikal sebagai sumber maklumat (Miller & Levack, 1997). Selain itu, kekangan sensori penglihatan ini juga menyebabkan kanak-kanak ini mengalami kelewatan dalam menguasai sesuatu kemahiran yang biasanya dikuasai dengan lebih awal oleh kanak-kanak tipikal kerana mereka tidak mampu untuk melihat dan seterusnya meniru kemahiran tersebut (Bishop, 2004). Dalam konteks bermain pula, kegagalan mereka untuk melihat dan meniru perbuatan serta menyedari apa yang berlaku dalam permainan menjadikan mereka sering tersisih dari rakan-rakan yang lain (Werts et al., 2007).

Menurut Bishop (2004) kemahiran sosial mempengaruhi penerimaan antara satu sama lain dalam kalangan kanak-kanak. Namun begitu kanak-kanak ketidakupayaan penglihatan tidak mempunyai kemahiran ini sebagaimana kanak-kanak tipikal. Beliau juga menegaskan bahawa kejayaan mereka dalam pelbagai lapangan juga bergantung kepada penerimaan sosial orang sekeliling. Maka, aspek kemahiran sosial ini merupakan aspek yang amat penting diterapkan semasa peringkat awal pendidikan kanak-kanak ini.

Salah satu usaha untuk mengatasi masalah itu, PPKI diwujudkan untuk MBK. Ia bertujuan untuk menggalakkan interaksi sosial antara MBK ini dengan murid-murid tipikal yang lain. Interaksi sosial yang berlaku di antara MBK ketidakupayaan penglihatan dengan murid tipikal di program integrasi adalah lebih luas berbanding dengan MBK ketidakupayaan penglihatan di Sekolah Pendidikan Khas (Wong, 2006). Hal ini adalah disebabkan mereka berkongsi persekitaran sekolah yang sama walaupun belajar berasingan.

Bagi MBK ketidakupayaan penglihatan, kemahiran sosial ini perlu dipupuk secara formal atau tidak formal serta ruang dan peluang perlu diberikan kepada mereka untuk menguasainya (Bishop, 2004) (Miller & Levack, 1997). Menyedari keperluan itu, KPM mengorak langkah dengan memperkenalkan mata pelajaran khas untuk MBK ketidakupayaan penglihatan yang antara lain berhasrat untuk memupuk kemahiran sosial murid ini. Melalui transformasi kurikulum yang telah dilancarkan oleh KPM pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas yang mengandungi mata pelajaran baharu untuk MBK ketidakupayaan penglihatan telah diperkenalkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Mata pelajaran ini yang dikenali sebagai Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan

mengandungi tiga komponen iaitu Orientasi dan Mobiliti (O&M), Penggunaan Kod Braille dan Peralatan Khas, serta Asas Teknologi Maklumat dan Komunikasi Masalah Penglihatan. Mata pelajaran ini diperkenalkan bertujuan untuk menyediakan MBK ketidakupayaan penglihatan dengan kemahiran asas yang kukuh dalam komponen-komponen tersebut supaya murid ini lebih bersedia untuk mengikuti PdP di sekolah di samping untuk diperaktikkan dalam kehidupan seharian (BPK, 2010).

Diharapkan apabila MBK ketidakupayaan penglihatan ini bergaul dengan murid-murid tipikal yang lain di PPKI serta mengikuti mata pelajaran yang telah dibangunkan khas untuk mereka, ia akan dapat meningkatkan kemahiran sosial mereka dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik selaras dengan pernyataan oleh Rabiner *et al.* (2016), iaitu kemahiran sosial individu adalah antara peramal kepada pencapaian akademik. Pencapaian akademik adalah sesuatu yang diperolehi atau dipelajari melalui proses (PdP) dalam bilik darjah atau dalam persekitaran yang menyokong pembelajaran. Proses PdP melibatkan interaksi antara murid, guru dan kandungan pelajaran dalam persekitaran pembelajaran yang bermatlamat agar murid dapat mencapai objektif pelajaran yang dihasilkan. Kemahiran sosial yang baik dapat membina interaksi berkesan antara murid, guru dan kandungan pelajaran seterusnya mampu mempengaruhi pencapaian murid dalam pelajaran (Rabiner *et al.*, 2016).

#### *Penyataan Masalah*

Kemahiran sosial dipelajari melalui pemerhatian visual. Namun begitu, bagi MBK ketidakupayaan penglihatan, adalah mustahil untuk mereka dapat memerhati tingkah laku orang lain, cara mereka berinteraksi dan mengetahui tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Ini menyebabkan mereka cenderung untuk mendiamkan diri dan menunggu orang lain untuk memulakan perbualan. Situasi ini menyukarkan guru untuk menjalankan sesi PdP di dalam bilik darjah kerana komunikasi yang efektif tidak berlaku.

MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam telah mengikuti mata pelajaran Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan semenjak tahun satu iaitu pada tahun 2011. Mereka ini telah berada dalam sistem pendidikan negara dan mengikuti mata pelajaran ini selama enam tahun dan akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Terdapat kajian di luar negara pada tahun 2011 yang mendapati guru mempunyai persepsi yang negatif terhadap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan (Zebehazy & Smith, 2011). Kajian dalam negara oleh Manisah & Hassan (2014) pula mendapati guru berpandangan bahawa keterlibatan akademik MBK ketidakupayaan penglihatan adalah pada tahap yang sederhana. Manakala (Harley, Truan, & Sanford, 1997), pula menyatakan bahawa pencapaian akademik

MBK ketidakupayaan penglihatan kebiasaannya adalah lebih rendah daripada murid tipikal. Walau bagaimanapun, tinjauan awal mendapati terdapat MBK ketidakupayaan penglihatan yang cemerlang dalam pencapaian akademik mereka (Sinar Harian, 2016 & GPS Bestari, 2016).

Sehubungan dengan itu, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap kemahiran sosial dan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam serta hubungan keduanya perlu dilakukan. Ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan pada masa kini setelah berada dalam sistem pendidikan negara selama enam tahun di samping telah mengikuti mata pelajaran yang dibangunkan khas untuk mereka. Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sebagai persediaan oleh guru-guru di sekolah menengah untuk menyediakan perancangan dan persekitaran bagi memperkuat kemahiran sosial dan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan sewaktu MBK ini memulakan persekolahan di peringkat menengah.

#### *Tujuan Kajian*

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam di PPKI dan Sekolah Pendidikan Khas serta untuk melihat hubungan antara kemahiran sosial dengan pencapaian akademik mereka.

#### *Objektif Kajian*

Mengenal pasti tahap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam di sekolah rendah mengikut persepsi guru. Mengenal pasti pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam melalui keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Mengenal pasti hubungan antara kemahiran sosial dengan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam.

#### *Persoalan Kajian*

Apakah tahap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan di sekolah rendah mengikut persepsi guru? Apakah tahap pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan melalui keputusan UPSR? Apakah hubungan antara kemahiran sosial dengan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan di sekolah rendah?

## **METODE**

Kajian ini merupakan satu tinjauan berbentuk kuantitatif yang dilaksanakan terhadap 32 orang MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam di sekolah pendidikan khas dan PPKI ketidakupayaan penglihatan di negeri Johor, Pulau Pinang, Selangor, Sarawak, Sabah, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Taburan sampel diberikan dalam Jadual 1.

**Jadual 1. Sampel MBK ketidakupayaan penglihatan Mengikut Negeri**

Negeri	Sampel (n)
Johor	9
Kuala Lumpur	2
Negeri Sembilan	3
Pulau Pinang	7
Sarawak	3
Sabah	5
Selangor	3
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>

**Jadual 2. Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Kemahiran Sosial MBK Ketidakupayaan Penglihatan Di Sekolah.**

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Noraini (2010)

**Jadual 3. Hubungan Kemahiran Sosial Dengan Pencapaian Akademik MBK Ketidakupayaan Penglihatan Berdasarkan Nilai Pekali Korelasi**

Skor	Interpretasi
0.01 – 0.09	Boleh diabaikan
0.10 – 0.29	Rendah
0.30 – 0.49	Sederhana
0.50 – 0.69	Kuat
0.70 – 0.99	Sangat Tinggi
1.00	Sempurna

Sumber: Sabitha (2005)

**Jadual 4. Demografi Sampel Kajian**

Jantina		Kategori	
Lelaki	Perempuan	Rabun	Buta
21 Orang (65.63%)	11 Orang (34.37%)	19 Orang (59.38%)	13 Orang (40.62%)

Instrumen kajian yang digunakan ialah set soal selidik. Soal selidik asal telah digubal oleh Saiful (2015). Bagi tujuan kajian ini, sedikit pengubahsuai dilakukan terhadap soal selidik untuk menyesuaikan dengan responden dan keperluan kajian. Set soal selidik ini dijawab oleh guru yang mengajar murid tersebut dengan setiap guru terhad untuk tiga orang murid sahaja. Set soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A adalah latar belakang MBK ketidakupayaan penglihatan, bahagian B adalah soal selidik persepsi guru terhadap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan sebanyak 40 item yang merangkumi aspek

kemahiran interaksi, kemahiran penyesuaian diri, kemahiran memulakan perhubungan dan kemahiran dalam bilik darjah. Bahagian C pula adalah keputusan UPSR tahun 2016 murid tersebut.

Pilihan jawapan bagi setiap item soal selidik dalam bahagian B adalah berdasarkan skala Likert lima pilihan iaitu tidak pernah, jarang-jarang, kadang-kala, selalu dan kerap kali. Bagi menguji tahap keboleh percayaan instrumen kajian yang digunakan, satu kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu. Hasil kajian rintis mendapat nilai *Alpha Cronbach* instrumen yang digunakan ialah 0.7225. Respon soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan nilai min dan sisisian piawai. Bagi menentukan tahap kemahiran sosial murid, nilai min dikategorikan mengikut skor min ke dalam tiga sela yang berbeza seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2. Bagi menentukan tahap pencapaian akademik pula, keputusan UPSR digunakan dengan membandingkan min Gred Purata Murid (GPM) sampel dengan Gred Purata Nasional (GPN) UPSR 2016. Manakala analisis inferensi menggunakan Ujian Kolerasi Spearman adalah untuk melihat hubungan antara kemahiran sosial dengan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan. Untuk tujuan itu, pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan ditentukan dengan memberikan kod nilai kepada gred mata pelajaran masing-masing dan menjumlahkan kod keenam-enam mata pelajaran yang diambil. Kod-kod tersebut adalah A=5, B=4, C=3, D=2, E=1 dan F=0. Bagi menentukan hubungan antara tahap kemahiran sosial murid dan pencapaian akademik mereka, nilai skor pekali korelasi yang diperolehi dibandingkan dengan nilai jadual 3. Jadual-jadual ini adalah julat skor min, aras dan pekali korelasi.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dinyatakan berdasarkan persoalan kajian yang ditetapkan iaitu untuk melihat tahap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan berdasarkan persepsi guru, pencapaian akademik mereka berdasarkan keputusan UPSR serta menentukan hubungan antara kemahiran sosial dengan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan di sekolah rendah. Sampel kajian terdiri dari 21 orang (65.63%) lelaki dan 11 orang (34.37%) perempuan. Manakala dari segi kategori ketidakupayaan penglihatan pula, 19 orang (59.38%) adalah kategori rabun dan bakinya 13 orang (40.62%) adalah buta. Demografi sampel kajian adalah seperti dalam Jadual 4.

### Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Sosial MBK Ketidakupayaan Penglihatan Di Sekolah Rendah

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisisian piawai digunakan untuk menentukan tahap kemahiran sosial dalam kalangan MBK ketidakupayaan penglihatan berdasarkan persepsi guru. Analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 5.

**Jadual 5. Tahap Kemahiran Sosial MBK Ketidakupayaan Mengikut Persepsi Guru.**

No	Kemahiran Sosial	Kekerapan dan Peratusan			Min	Sisihan piawai	Interpretasi
		Rendah (1.00 -2.33)	Sederhana (2.34-3.66)	Tinggi (3.67-5.00)			
1.	Kemahiran Interaksi	-	6 (18.75%)	26 (81.25%)	4.06	0.82	Tinggi
2.	Kemahiran Penyesuaian Diri	-	8 (25.0%)	24 (75.0%)	4.08	0.86	Tinggi
3.	Kemahiran Memulakan Perhubungan	-	5 (15.63%)	27 (84.37%)	4.26	0.72	Tinggi
4.	Kemahiran Bilik Darjah	-	1 (3.13%)	31 (96.87%)	4.23	0.60	Tinggi
	Keseluruhan	-	5 (15.63%)	27 (84.37%)	4.16	0.75	Tinggi

**Jadual 6. Analisis Kolerasi Kemahiran Sosial Dengan Pencapaian Akademik (UPSR) MBK Ketidakupayaan Penglihatan**

Hubungan	Pencapaian Akademik (UPSR)		Interpretasi
	r	Sig.	
Kemahiran Sosial	.109	.552	Sangat Rendah

Jadual 5 menunjukkan bahawa kemahiran memulakan perhubungan ( $\text{min} = 4.26$  dan  $\text{sp} = 0.72$ ) mempunyai min yang paling tinggi. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai lima orang (15.63%) murid mempunyai kemahiran memulakan perhubungan pada tahap sederhana dan seramai 27 orang (84.37%) murid berada pada tahap tinggi. Seterusnya diikuti oleh kemahiran bilik darjah ( $\text{min} = 4.23$  dan  $\text{sp} = 0.60$ ). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai seorang (3.13%) murid mempunyai kemahiran bilik darjah pada tahap sederhana dan seramai 31 orang (96.87%) murid berada pada tahap tinggi. Kemahiran penyesuaian diri mencatatkan ( $\text{min} = 4.08$  dan  $\text{sp} = 0.86$ ), manakala dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai lapan orang (25.0%) murid mempunyai kemahiran bilik darjah pada tahap sederhana dan seramai 24 orang (75.0%) murid berada pada tahap tinggi. Kemahiran interaksi pula mencatatkan ( $\text{min} = 4.06$  dan  $\text{sp} = 0.82$ ) dengan kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai enam orang (18.75%) murid mempunyai kemahiran interaksi pada tahap sederhana dan seramai 26 orang (81.25%) murid berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kemahiran sosial utama dalam kalangan MBK ketidakupayaan penglihatan mengikut persepsi guru di sekolah berada pada tahap tinggi ( $\text{min} = 4.16$  dan  $\text{sp} = 0.75$ ). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai lima orang (15.63%) murid mempunyai kemahiran sosial utama pada tahap sederhana dan seramai 27 orang (84.37%) murid berada pada tahap tinggi.

**Pencapaian Akademik MBK Ketidakupayaan Penglihatan Melalui Keputusan UPSR**

Pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan adalah berdasarkan keputusan Ujian

Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang diumumkan pada 17 November 2016. Didapati, keputusan terbaik yang diperolehi dari sampel kajian adalah 4A 2B yang dicatatkan oleh dua (6.25%) orang murid, diikuti dengan 4A 1B 1C dan 4A 2C yang dicatatkan oleh masing-masing seorang (3.13%) murid. Secara keseluruhannya, didapati 14 (43.75%) orang MBK ketidakupayaan penglihatan memperoleh sekurang-kurangnya 1A dalam keputusan UPSR, manakala baki 18 (56.25%) orang lagi gagal memperoleh gred A dalam mana-mana mata pelajaran UPSR. Majoriti dari sampel memperoleh kombinasi gred D dan E dalam setiap mata pelajaran yang diduduki dalam UPSR.

Bagi menentukan tahap pencapaian akademik MBK Ketidakupayaan Penglihatan, pengiraan GPM dilakukan dan min GPM sampel dibandingkan dengan GPN. Nilai Gred Purata yang lebih rendah menunjukkan pencapaian akademik yang baik, begitu juga sebaliknya. Dari pengiraan, min GPM sampel yang diperolehi adalah 3.14, manakala GPN UPSR 2016 adalah 2.96 (Berita Harian, 2016). Perbandingan mendapati min GPM MBK Ketidakupayaan Penglihatan adalah lebih tinggi dari GPN. Dapat dirumuskan bahawa, pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan adalah rendah.

**Hubungan Antara Kemahiran Sosial Dengan Pencapaian Akademik MBK Ketidakupayaan Penglihatan Di Sekolah Rendah**

Didapati, wujud hubungan positif yang lemah dan tidak signifikan antara kemahiran sosial dengan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam. Korelasi antara kemahiran sosial dan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan ialah pada tahap rendah ( $r = .109$ ). Jadual 6 di bawah menunjukkan terdapat hubungan yang tidak signifikan pada aras keyakinan 0.05.

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa persepsi guru terhadap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan tahun enam adalah tinggi. Dapatkan ini bertentangan dengan kajian oleh (Zebehazy & Smith, 2011) yang menyatakan bahawa guru mempunyai persepsi yang negatif terhadap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan penglihatan. Dapatkan ini memberikan harapan bahawa kemungkinan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan ini meningkat sebagaimana yang diperkatakan oleh Rabiner *et al.* (2016), iaitu kemahiran sosial individu adalah antara peralaman kepada pencapaian akademik.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan masih rendah berbanding murid tipikal. Dapatkan ini disokong oleh (Harley, Truan, & Sanford, 1997), yang mengatakan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan kebiasaannya adalah lebih rendah daripada murid tipikal. Seterusnya, didapati hubungan antara kemahiran sosial dengan pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan adalah rendah dan tidak signifikan. Hal ini kerana walaupun persepsi guru terhadap tahap kemahiran sosial MBK ketidakupayaan adalah tinggi, tetapi pencapaian akademik mereka adalah rendah.

Dapatkan dari kajian ini menunjukkan sesuatu perlu dilakukan secara keseluruhan untuk memperbaiki pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan. Faktor-faktor lain selain kemahiran sosial yang mempengaruhi pencapaian akademik perlu dikaji dan diambil tindakan. Hal ini demikian agar MBK ketidakupayaan penglihatan tidak terus ketinggalan dalam arus pendidikan negara.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pencapaian akademik MBK ketidakupayaan penglihatan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kemahiran sosial, kemahiran akademik awal, peranan guru, dan persekitaran pembelajaran MBK ini. Tahap kemahiran sosial yang tinggi sahaja tidak mencukupi untuk menjamin kejayaan dalam akademik MBK ini. Dalam usaha untuk menjadikan MBK ketidakupayaan penglihatan ini sebagai insan yang seimbang seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan kebangsaan memerlukan usaha dan strategi yang mampan dari semua pihak.

Dapatkan kajian ini menjadi indikator kepada komuniti pendidikan khas ketidakupayaan penglihatan bahawa pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memperbaiki pencapaian akademik golongan ini. Mereka memerlukan sokongan yang bermakna dari ibu bapa, persekitaran akademik yang membantu mereka untuk mengakses pendidikan negara dan guru yang berperanan dengan aktif dan positif. Untuk mengatasi

cabaran yang pelbagai dalam usaha untuk memajukan pencapaian akademik ini, usaha yang berterusan perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan.

Peranan guru boleh dipertingkatkan dengan pendedahan latihan pedagogi, penggunaan teknologi terkini dan konsep *Universal Design for Learning* (UDL) berkaitan pendidikan untuk golongan ketidakupayaan penglihatan ini. MBK kurang upaya penglihatan memerlukan guru yang mampu memberi sokongan, bantuan dan strategi yang relevan dengan keperluan mereka (Manisah & Hassan, 2014). Oleh itu, guru-guru ini perlu mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan mereka dalam usaha untuk menjamin keberkesanannya pendidikan kepada murid (Safani, Yasin, & Hamzah, 2014) melalui pengaplikasian konsep *Universal Design for Learning* (UDL) dan penggunaan peralatan Teknologi Asistik (AT)

Profesional keguruan adalah profesion yang sangat mulia dalam usaha untuk membangunkan modal insan yang berkualiti. Guru bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan yang luas malah juga perlu bijak menyampaikan pengetahuan tersebut menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dan relevan untuk MBK ketidakupayaan penglihatan seperti mengoptimumkan penggunaan sensori selain penglihatan, penggunaan braille serta rajah timbul, dan penggunaan peralatan khas seperti kanta pembesar. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, sudah tentu MBK ketidakupayaan penglihatan tidak akan berjaya memperoleh pengetahuan yang diharapkan dan seterusnya merencangkan hasrat pendidikan itu sendiri.

Kajian oleh Wong (2006) mendapati MBK ketidakupayaan penglihatan mempunyai persepsi yang negatif terhadap guru mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa murid-murid ini berasaskan kehidupan sosial mereka di sekolah adalah pada tahap memuaskan sahaja kerana pihak sekolah tidak menyediakan aktiviti yang bersesuaian dengan fizikal, psikologi dan keadaan penglihatan mereka. Oleh itu, guru sebagai pelaksana yang menterjemahkan kurikulum kepada PdP dalam bilik darjah perlu bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif supaya aktiviti yang dijalankan relevan dengan keperluan MBK ketidakupayaan penglihatan.

Selain itu, kemahiran akademik awal, dan kompetensi sosioemosi MBK ketidakupayaan penglihatan juga perlu dimantapkan sejak peringkat awal pendidikan mereka (Rabiner *et al.* 2016). Kanak-kanak yang memasuki persekolahan dengan kemahiran literasi dan numerasi yang baik sering mendapat maklum balas yang positif dari guru seterusnya memotivasi mereka untuk terus belajar. Sebaliknya, tanpa kemahiran akademik awal murid ini akan terus ketinggalan kebelakang berbanding rakan-rakan mereka dan seterusnya menyebabkan mereka hilang minat untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran.

Pihak ibu bapa juga harus memberikan sokongan yang bermakna ke arah membangunkan potensi diri anak mereka yang mengalami ketidakupayaan penglihatan. Proses pembangunan insan ini boleh dilakukan secara formal atau tidak formal supaya tempoh latihan yang diperolehi adalah mencukupi. Proses pendidikan MBK ketidakupayaan penglihatan ini seharusnya bermula dari peringkat awal dengan memberikan khidmat intervensi mengikut keunikan setiap individu ketidakupayaan penglihatan.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia, (2010). Dokumen Standard Kurikulum Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan. Putrajaya
- Bahagian Pendidikan Khas (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia, (2016). *Data Pendidikan Khas 2015*. Putrajaya
- Berita Harian. (2016). UPSR 2016: 4,896 calon peroleh semua A. <http://www.bharian.com.my/node/213793>
- Bestari, G. P. S. (2016). Berkat Peta Minda Dan Solat Hajat, Murid OKU Penglihatan Cemerlang UPSR. <http://www.gpsbestari.com/berita/johor/berkat-peta-minda-dan-solat-hajat-murid-oku-penglihatan-cemerlang-upsr-1.587564>
- Bishop, V. E. (2004). *Teaching Visually Impaired Children*. Illinois: Charles C Thomas Publishers Ltd.
- Hallahan, D. P., & Kauffman, J. M., (2000). *Exceptional Learners: Introduction to special education(8th ed)*. Boston: Ally abd Bacon
- Harley, R. K., Truan, M. B., & Sanford, L. D. (1997). *Communication Skills For Visually Impaired Learners: Braille, Print, and Listening Skills for Students Who Are Visually Impaired*. Illinois: Charles C Thomas Publisher Ltd.
- Jamila, K. A. M. (2007). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Kaili, C., & Bullock, L. M. (2004). Social Skills Intervention For Students With Emotional/ Behavioral Disorders Aged Six Through 12 Years: A combination of a literature-based curriculum and telecommunications. *Emotional and Behavioral Difficulties*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Surat Pekelingking Ikhtisas Bil 5 Tahun 2011 – Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) – Pendidikan Khas Tahap 1 Mulai 2011*. Putrajaya
- Loveland, K., Pearson, D., & Tunali-Kotocki, B., (2001). Judgements of social appropriates by children and adolescent with autism. *Journal of autism and Developmental Disorder*.
- Malaysia. (2013). Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. Warta Kerajaan Persekutuan: P.U. (A) 230.
- Manisah, M. A., & Hassan, N. F. (2014). Perspektif Guru Terhadap Keterlibatan Akademik Dalam Kalangan Murid Dengan Ketidakupayaan Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(2), 109-114
- Miller, C., & Levack, N. (1997). *A Paraprofessional's Handbook: For Working with Students Who Are Visually Impaired*. Texas: The Texas School for the Blind
- Noraini, I. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Norani, M. S., & Arun, D. (2009). Latihan Orientasi Dan Mobiliti Untuk Kanak-Kanak Bermasalah Penglihatan. Dlm. Zalizan Mohd Jelas (pnyt.). *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan*, 246-265
- Rabiner, D. L., Godwin, J., & Dodge, K. A. (2016). Predicting Academic Achievement and Attainment: The Contribution of Early Academic Skills, Attention Difficulties, and Social Competence. *School Psychology Review*, 45(2), 250-267
- Sabitha, M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall
- Safani, B., Yasin, M. H. M., Hamzah, M. N. (2014). The Readiness of Special Education Trainees to Teach in Inclusive Program. *International Education Studies*; 7(13).
- Saiful, A. K. A. (2015). Tahap kemahiran Sosial Murid-murid Autisma Di Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh, N. M. & Zainal, K. (2014). Penggunaan Kemahiran Sosial dalam Kalangan Kanak - kanak Bermasalah Penglihatan. *The 4<sup>th</sup> International Conference on Learner Diversity*, 749-759.
- Sinar Harian. (2016). UPSR: Murid cacat penglihatan catat keputusan cemerlang. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/upsr-murid-cacat-penglihatan-catat-keputusan-cemerlang-1.587344>.
- Werts M. G., Culatta R. A. & Tompkins J. R. (2007). *Fundamentals of Special Education: What Every Teacher Needs to Know*. New Jersey: Pearson
- Wong, H. S. (2006). Persekitaran Pembelajaran Pelajar Cacat Penglihatan Di Malaysia. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Institut Sosial Malaysia
- Zebehazy, K. T., & Smith, T. J. (2011). An Examination of Characteristics Related to the Social Skills of Youths with Visual Impairments. *Journal Of Visual Impairment & Blindness*, 105(2), 84-95.